



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA TINDAKAN KAWALAN DAN SURVELAN RABIES DI KEDAH

PUTRAJAYA - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Kedah telah menerima makluman daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kedah pada 24 September 2026 berhubung **kes seorang lelaki** berusia 31 tahun yang **digigit oleh anjing liar/terbiar di Changlun, Kedah**.

Sejurus menerima makluman tersebut, DVS Kedah telah menjalankan **siasatan di lokasi kejadian** serta melaksanakan **operasi menangkap anjing liar** di sekitar kawasan mangsa digigit dengan kerjasama **Majlis Perbandaran Kubang Pasu**, Kedah. Tindakan ini bertujuan mengesan anjing yang disyaki dan menilai kemungkinan **kewujudan virus rabies**.

Sehingga 28 September 2026, sebanyak **18 ekor anjing** dari kawasan lokasi kejadian **gigitan dan sekitarnya** telah **diambil sampel untuk ujian pengesahan rabies**. DVS Kedah **masih menjalankan siasatan lanjut** dan menunggu keputusan makmal bagi mengesahkan sama ada terdapat rabies dalam kalangan anjing di negeri Kedah.

Kawasan Changlun terletak dalam lingkungan **zon penampunan rabies** atau **immune belt** iaitu sepanjang **50 KM dari sempadan Thailand**. Di kawasan ini, semua anjing bertuan **diwajibkan** menerima vaksinasi rabies di bawah **Akta Binatang 1953**. Langkah ini dilaksanakan bagi mengurangkan risiko penularan rabies ke kawasan lain.

Sehingga **Ogos tahun ini**, sebanyak **504 ekor anjing** bertuan di daerah **Kubang Pasu**, manakala **1,349 ekor anjing** bertuan di **seluruh negeri Kedah** telah diberikan suntikan **vaksin rabies**. DVS Kedah turut meneruskan program surveilans rabies di semua daerah di negeri Kedah. Setakat **Ogos tahun ini**, sejumlah **164 sampel surveilan** telah diuji dan kesemuanya **negatif rabies**.

Rabies ialah **penyakit anjing gila** yang menyerang **sistem saraf** dan boleh **membawa maut**. Anjing dijangkiti rabies akan menunjukkan **perubahan tingkah laku** seperti menjadi **agresif** atau terlalu **jinak**, **gelisah**, **mengasingkan diri**, **menyalak** atau **menggigit** tanpa provokasi, **lemah**, **hilang koordinasi pergerakan**, **sukar menelan**, **mengeluarkan air liur berlebihan**, lumpuh serta akhirnya mati.

Pihak **Jabatan** menasihati orang ramai supaya **sentiasa berwaspada** terhadap risiko penyakit rabies dan mengambil tindakan berikut:

1. **Jangan mendekati, menyentuh atau mengendalikan anjing liar/terbiar, anjing sakit** atau anjing yang menunjukkan **perubahan tingkah laku** luar biasa.
2. **Segera laporkan** kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar berhampiran sekiranya **ternampak anjing liar/terbiar yang sakit, agresif, lesu, lumpuh** atau **mati** secara luar biasa.
3. **Sekiranya digigit atau dicakar** oleh anjing atau haiwan lain yang disyaki pembawa rabies, **cuci luka dengan sabun dan air yang mengalir sekurang-kurangnya 15 minit.**
4. Dapatkan **rawatan segera** di fasiliti kesihatan, **walaupun luka** kelihatan **kecil** atau **tidak dalam** dan **maklumkan tentang gigitan** anjing tersebut.
5. **Laporkan kejadian gigitan** kepada **Pejabat Perkhidmatan Veterinar** berhampiran bagi membolehkan siasatan dan tindakan susulan dijalankan.
6. **Pastikan anjing** bertujuan **menerima vaksinasi rabies** mengikut arahan DVS dan tidak dilepaskan berkeliaran.

DVS Kedah akan terus **bekerjasama rapat** dengan **Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, Pihak Berkuasa Tempatan** dan agensi berkaitan lain dalam **pemantauan, siasatan** serta pelaksanaan **tindakan kawalan** bagi melindungi kesihatan haiwan dan kesihatan awam.

Pada masa yang sama, pihak Jabatan juga telah meningkatkan **aktiviti pemantauan** dan **pensampelan** di semua kawasan **bersempadan dengan Thailand** bagi memastikan **tiada penularan wabak rabies** di negara ini.

Orang ramai di sekitar negeri Kedah boleh menyalurkan maklumat atau membuat laporan kepada **Pusat Operasi Lapangan** di **Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kubang Pasu (04 - 916 2207)** atau **Pusat Operasi Negeri (04 - 702 5336)**. Bagi yang berada di luar negeri Kedah, boleh hubungi **Pejabat Perkhidmatan Veterinar** berhampiran atau melalui talian **hotline** DVS di **03-8870 2041**.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
29 SEPTEMBER 2026